

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Hajah Norah binti Abd
Rahman
[Tanjong Manis]**

TARIKH : 06.04.2015 (ISNIN)

NO. SOALAN : 17

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sebab berlakunya kelewatan dalam meluluskan permohonan bagi Program Bantuan Rumah (PBR) oleh Kementerian di negeri Sarawak, yang menyebabkan perancangan untuk membina rumah bagi rakyat miskin tegar tergendala.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) di negeri Sarawak adalah melibatkan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri Sarawak (KPLB) yang bertindak sebagai penyelaras keseluruhan pelaksanaan PBR bersama Pejabat Residen dan Pejabat Daerah.

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui kerjasama ini, sejumlah **24,231 unit rumah telah dibina dan di baik pulih** sepanjang tempoh pelaksanaan PBR dari tahun **2011 sehingga tahun 2014 dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM459.9 juta**. Pencapaian ini adalah melebihi sasaran awal NKRA iaitu **20,095 unit untuk dibina dan di baik pulih bagi tempoh 2011 sehingga 2014**.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan kepada pencapaian tersebut, **keberkesanan mekanisme pelaksanaan** melalui kerjasama **antara KKLW dan KPLB** dilihat dapat melicinkan penyampaian bantuan kepada golongan sasaran dan berupaya mengatasi isu-isu kelewatan kelulusan serta pelaksanaan PBR. Pihak Kementerian sentiasa komited dalam memastikan pelaksanaan PBR di seluruh negara mengikut perancangan yang telah ditetapkan bagi memastikan golongan miskin dan miskin tegar menikmati kediaman yang lebih selesa dan selamat.